

KEPADA:

---

**CALON-CALON PILIHANRAYA (PARLIMEN & DUN)  
PERTUBUHAN PARTI-PARTI POLITIK MALAYSIA  
KERAJAAN YANG BAKAL DIBENTUK (PUSAT & NEGERI)  
PEMIMPIN MASYARAKAT  
& RAKYAT MALAYSIA**

---

**PILIHANRAYA UMUM KE-12:  
TUNTUTAN  
PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ISLAM  
MALAYSIA**

***BISMILLĀHIRRAHMĀNIRRAHĪM***

***Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang***

**MENYEDARI** bahawa nilai-nilai Islam yang luhur merupakan ciri terpenting dalam pembentukan masyarakat Islam yang bermaruah dan peranan pemimpin amat penting dalam membentuk dan mencorakkan masyarakat ini.

**MENERIMA** hakikat bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih kerajaan melalui proses pilihanraya.

**MENGINSAFI** bahawa hak untuk memilih kerajaan melalui proses pilihan raya perlulah dilaksanakan dengan penuh rasa sedar dan tanggungjawab.

**MEYAKINI** bahawa rakyat mempunyai kebebasan untuk memilih sebuah kerajaan yang baik dan berupaya untuk memenuhi aspirasi mereka.

**Pertubuhan-pertubuhan Islam arus perdana, tokoh-tokoh masyarakat dan individu-individu yang prihatin mempertegaskan tuntutan-tuntutan berikut:**

**1. Mendaulatkan Islam Melalui Undang-Undang dan Pelaksanaannya**

Islam mempunyai kedudukan yang istimewa dalam sistem politik dan undang-undang di Malaysia. Perlembagaan Malaysia mengiktiraf Islam sebagai Agama Persekutuan dan memperakui status institusi-institusi Islam serta memberi kuasa kepada mahkamah-mahkamah syariah untuk melaksanakan undang-undang Islam. Kami menuntut agar kerajaan yang bakal dipilih:

- 1.1 Mempertegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara majoriti Islam yang mengiktiraf peranan penting agama Islam dalam sistem politik, ekonomi dan undang-undang negara. Segala tuntutan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara sekular mesti ditolak. Ini termasuk tuntutan untuk mewujudkan Suruhanjaya Antara Agama (IFC) yang bertujuan mempromosi hak kebebasan beragama berlandaskan faham sekular-liberal dan saranan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Bukan Islam.
- 1.2 Mempertahan dan mendaulatkan kesucian Islam serta menghormati kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Sebarang tindakan mempersendakan Islam secara lisan, cetak atau melalui media elektronik dan media siber, perlu ditangani secara tegas dan serius mengikut peruntukan di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan.
- 1.3 Mempertahan dan memperkasakan kedudukan serta bidang kuasa Mahkamah Syariah sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 121 (1A) dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Sebarang pertikaian undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam hanya dibicarakan di Mahkamah Syariah. Kami juga menuntut:

- (a) Memperluaskan bidangkuasa jenayah dan mal mahkamah syariah di Malaysia melalui pindaan kepada Akta Bidangkuasa Jenayah (Mahkamah Syariah) 1984 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri.
  - (b) Menyamatarafkan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil dari segi perjawatan, penggajian dan kedudukan
  - (c) Menyeragamkan undang-undang Islam di seluruh negara
  - (d) Mewujudkan Akta Profession Guaman Syarie bagi memperkemaskan penyeliaan Peguam-Peguam Syarie seluruh negara.
- 1.4 Segera menggubal danewartakan undang-undang menghalang kegiatan penyebaran agama bukan Islam di kalangan umat Islam di Sabah, Sarawak, Perlis, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan, selaras dengan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan. Kami menyatakan kekecewaan atas kegagalan negeri-negeri di atas yang sehingga kini masih gagal menggubal danewartakan undang-undang tersebut.
- 1.5 Meningkatkan tahap keberkesanan dan profesionalisme agensi-agensi Islam kerajaan dalam mendaulatkan Islam di Malaysia. Kami menuntut peruntukan yang disalurkan kepada agensi-agensi tersebut digunakan dan diuruskan secara optima dan berkesan.
- 1.6 Memandangkan pengiktirafan "halal" menjadi satu tanda aras kepada kualiti dan kebersihan makanan untuk umat Islam dan bukan Islam, serta membuka pasaran yang lebih luas, kami menuntut agar Akta Makanan dan Pemprosesan Halal digubal supaya penguatkuasaan perihal makanan halal diketatkan dan mereka yang menyalahgunakan tanda halal dikenakan hukuman berat, termasuk hukuman disenarai-hitamdan pemiliknya dihukum penjara.
- 1.7 Mengambil tindakan tegas termasuk membatalkan lesen perniagaan mana-mana majikan yang menyukarkan atau

menghalang pekerja-pekerja Islam daripada mengamalkan tuntutan-tuntutan Islam seperti pemakaian tudung, menutup aurat, menunaikan solat dan lain-lain syiar Islam. Kami menyeru agar tindakan diambil bagi memboikot syarikat-syarikat yang mengamalkan dasar diskriminasi ini.

## **2. Pendidikan dan Da'wah**

Seorang Muslim yang baik lebih dapat diharapkan untuk menjadi seorang warganegara yang baik. Proses pembentukan peribadi dan jatidiri Muslim yang baik perlu dilaksanakan melalui sistem pendidikan yang mementingkan pendidikan Islam dan penerapan nilai-nilai Islam. Dengan itu umat Islam di negara ini menuntut agar kerajaan yang bakal dipilih:

- 2.1 Memperkasa pendidikan Islam dalam sistem pendidikan nasional. Ini termasuk menambah waktu pengajaran Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah kebangsaan.
- 2.2 Mengambil langkah-langkah yang lebih agresif bagi menjadikan Malaysia pusat antarabangsa bagi kecemerlangan pendidikan Islam perkembangan keilmuan Islam. Bagi tujuan ini, kerajaan digesa mewujudkan geran khas penyelidikan ilmu-ilmu Islam serta menubuhkan Institusi-institusi pendidikan tinggi dan penyelidikan Islam bertaraf antarabangsa dalam bidang-bidang khusus seperti pendidikan teknologi, pengurusan dan seumpamanya.
- 2.3 Meningkatkan mutu dan kualiti institusi pendidikan tinggi dan Universiti agar mampu menjadi pusat kecemerlangan ilmu yang melahirkan graduan yang berkualiti. IPT dan Universiti perlu diberikan autonomi, kebebasan intelektual dan akademik bagi memastikan institusi dan universiti tersebut boleh berfungsi dengan lebih baik dalam masyarakat. Kini banyak munculnya IPTA dan IPTS yang diwujudkan tanpa penekanan khusus dari segi kualiti dan mutu pendidikan institusi tersebut.
- 2.4 Mengiktiraf peranan institusi pendidikan agama rakyat termasuk dengan mengembalikan serta menambah bantuan perkapita kepada Sekolah-Sekolah Agama Rakyat (SAR) serta memberikan bantuan buku teks secara percuma kepada para pelajar SAR.

- 2.5 Mengembalikan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Sains dan Matematik di sekolah-sekolah dalam Bahasa Melayu.
- 2.6 Menghentikan amalan Kementerian Pelajaran Malaysia yang tidak memberi peluang kepada murid-murid cemerlang UPSR dan PMR dari sekolah-sekolah agama swasta untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran dan MARA. Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri juga digesa menghentikan amalan melarang murid-murid sekolah agama swasta yang memenangi mana-mana pertandingan ko-kurikulum di peringkat negeri daripada mewakili negeri ke peringkat kebangsaan. Ini memandangkan kecemerlangan dalam aktiviti ko-kurikulum turut diambil kira dalam kemasukan pelajar-pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.
- 2.7 Kemudahan biasiswa yang dinikmati oleh pelajar-pelajar Melayu perlu diberikan kepada pelajar-pelajar Islam yang bukan berketurunan Melayu. Di samping itu, kerajaan digesa menambah jumlah penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di kalangan pelajar-pelajar Islam/Melayu yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke luar negara. Amalan pemberian biasiswa JPA kepada pelajar-pelajar bukan Islam sejak akhir-akhir ini tidak sepatutnya menjejaskan peluang pelajar Islam/Melayu yang cemerlang untuk mendapat tajaan.
- 2.8 Menggesa Kementerian Pelajaran agar tidak tunduk kepada desakan kelompok sekular dan bukan Islam agar supaya amalan-amalan Islam di sekolah-sekolah kebangsaan dihentikan atas alasan untuk mengelakkan berlakunya pemisahan kaum dan agama. Amalan seperti bacaan doa dan sambutan perayaan Hari Kebesaran Islam wajar diteruskan kerana amalan-amalan murni ini adalah sebahagian daripada ciri tradisi ke-Malaysiaan dan tidak sepatutnya menjejaskan keharmonian hubungan kaum dan agama.
- 2.9 Selaras dengan tanggungjawab menyuruh yang baik dan mencegah yang mungkar (*al-amr bil ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*) kerajaan dituntut untuk memperkasakan usaha-

usaha da'wah islamiah, terutamanya menerusi kerjasama lebih erat dengan pertubuhan-pertubuhan Islam di negara ini termasuk dengan membuka ruang aktiviti dan memberi peruntukan khas untuk membantu aktiviti yang dijalankan.

- 2.10 Memastikan pimpinan Kementerian Penerangan serta agensi yang berkaitan dengan penyiaran sentiasa peka dengan aspirasi dan sensitiviti umat Islam dalam merangka dasar penyiaran serta sentiasa mengutamakan program yang mampu membina masyarakat berakhlak mulia.
- 2.11 Memperbanyakkan program-program berunsur pendidikan Islam dan moral di stesen-stesen televisyen kerajaan dan swasta. Program-program Islam hendaklah disiarkan pada waktu puncak (*prime time*) bukan waktu tengah malam atau awal pagi. Azan hendaklah disiarkan pada setiap waktu solat.
- 2.12 Menghentikan program-program hiburan yang mempromosi budaya hedonisme Barat. Ini termasuklah program-program hiburan realiti yang semakin mendapat tempat di stesyen-stesyen televisyen tempatan. Stesen televisyen khas untuk umat Islam perlu diwujudkan
- 2.13 Stesyen televisyen swasta perlu mendukung aspirasi Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam pemilihan program mereka. Kami menuntut agar kerajaan mengambil tindakan tegas termasuk menggantung atau menarik balik lesen penyiaran ke atas stesyen televisyen swasta yang melanggar etika ini.

### **3. Sistem Politik dan Tadbirurus yang Baik**

Sistem politik dan tadbirurus yang baik merupakan syarat utama kejayaan dan kelangsungan sesebuah negara. Kebajikan rakyat akan terbela dengan kewujudan sistem politik yang adil, tadbirurus yang baik dan sistem penyampaian yang cekap. Oleh yang demikian, usaha-usaha mewujudkan sistem politik dan tadbirurus yang baik perlu dipergiatkan melalui tindakan-tindakan berikut:

- 4.1 Meningkatkan usaha membanteras amalan rasuah dan salah guna kuasa di kalangan penjawat-penjawat awam. Pihak

swasta yang menawarkan rasuah sebagai suatu budaya perlu dihukum secara tegas dengan mengheret pihak syarikat untuk turut bertanggungjawab.

- 4.2 Hanya melantik penjawat-penjawat awam dan pemimpin-pemimpin kanan kerajaan dari kalangan mereka yang terbukti bersih daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan salah laku moral.
- 4.3 Meningkatkan penghayatan nilai-nilai Islam di kalangan kakitangan awam dengan memperbanyakkan program-program penghayatan Islam di jabatan-jabatan kerajaan.
- 4.4 Menuntut agar penjawat awam perlu mengishtiharkan harta secara terbuka kepada masyarakat awam dan rakyat bagi menjamin ketelusan serta keyakinan masyarakat.
- 4.5 Menuntut kerajaan melantik senator daripada kalangan pemimpin-pemimpin pertubuhan Islam untuk memberi ruang sewajarnya, terhadap isu-isu berkaitan kepentingan umat Islam di negara ini.

## **5. Memperkasa Masyarakat Sivill dan Menjamin Amalan Demokrasi**

Negara demokrasi yang stabil wujud apabila kerajaan dibentuk hasil daripada mandat rakyat dengan institusi-institusi masyarakat sivil diberi ruang yang luas untuk berperanan aktif dalam memperkasakan masyarakat dan membangunkan negara. Keabsahan autoriti politik pemerintah bergantung kepada keterbukaan ruang demokrasi, kesediaan pemerintah untuk bersikap responsif terhadap tuntutan rakyat dan kemampuan pemerintah menjamin keselamatan dan keamanan dalam negara. Oleh yang demikian, upaya pemurnian amalan demokrasi dan peranan masyarakat sivil perlu dilaksanakan dengan tindakan-tindakan berikut:

- 5.1 Mempastikan adanya sistem pilihanraya yang benar-benar bersih, bebas dan adil. Suruhanjaya Pilihanraya mestilah berwibawa, bebas dan tidak menyebelahi mana-mana parti politik.

- 5.2 Hanya memilih calon-calon pilihanraya dari kalangan mereka yang berintegriti, berkemampuan dan berpekerti mulia.
- 5.3 Memastikan pemerintah melaksanakan kuasa berdasarkan prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.
- 5.4 Membuka ruang yang luas kepada institusi-institusi masyarakat sivil untuk berperanan aktif dalam proses pemerkasaan masyarakat dan pembangunan negara.

## **6. Hubungan Kaum dan Agama**

Sebagai sebuah negara majoriti Islam yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, keharmonian hubungan kaum dan agama merupakan ramuan utama kestabilan politik dan ketenteraman awam. Prinsip-prinsip utama kontrak sosial yang menjamin keharmonian hubungan kaum dan agama perlu dihormati oleh semua pihak. Justeru, kami mempertegaskan untuk menolak segala bentuk ekstremisme agama dan kaum yang sempit. Oleh yang demikian, adalah penting untuk pemimpin politik dan rakyat negara ini:

- 6.1 Mempertingkatkan komitmen terhadap keharmonian hubungan kaum dan agama.
- 6.2 Menolak parti-parti politik dan pemimpin politik yang tidak sensitif dengan kedudukan istimewa Islam di Malaysia dan mereka yang mempromosi hak individu dan kebebasan beragama tanpa batas yang bertentangan dengan nilai moral dan agama yang dipegang oleh majoriti masyarakat Islam di negara ini.
- 6.3 Menguatkuasa dengan tegas peraturan membina rumah ibadat tanpa mengira agama. Jika pihak berkuasa tegas melaksanakan peraturan membina surau dan masjid, mereka nampaknya lemah apabila berhadapan dengan pembinaan sesetengahnya rumah ibadat agama lain.
- 6.4 Memastikan pembinaan rumah-rumah ibadat mengambilkira sensitiviti masyarakat setempat di samping mematuhi peruntukan undang-undang. Satu jawatankuasa yang

dianggotai oleh wakil-wakil pertubuhan Islam dan pihak berkuasa tempatan perlu dibentuk untuk memperhalusi permohonan pembinaan rumah ibadat bukan Islam di kawasan majoriti Islam.

## **7. Akidah dan Moral**

Memelihara kesucian akidah dan ketinggian moral merupakan tanggungjawab paling utama setiap individu Muslim dan tanggungjawab kolektif masyarakat Islam. Pertubuhan-pertubuhan Islam menuntut kerajaan yang bakal dipilih:

- 7.1 Menolak faham pluralisme agama yang mendakwa bahawa semua agama adalah sama dari segi kebenarannya sehingga menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat berbilang agama.
- 7.2 Menolak usaha-usaha pihak tertentu yang cuba mengelirukan akidah umat Islam dengan pelbagai cara. Ini termasuklah dengan menggunakan perkataan-perkataan khusus seperti "Allah", "Ka'abah", "Baitullah" dan "Solat", yang telah digunapakai secara meluas oleh masyarakat Islam, untuk merujuk kepada konsep-konsep tertentu dalam agama bukan Islam.
- 7.3 Menambah bilangan pegawai penguatkuasa agama dan meningkatkan tahap profesionalisme mereka dalam membanteras gejala maksiat dan salah laku moral. Kerajaan hendaklah melaksanakan undang-undang anti-maksiat yang sedia ada dengan tegas, telus dan berkesan.

-----00-----

Dokumen ini diperakui oleh pertubuhan-pertubuhan berikut:

**[RUJUK SENARAI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN]**